



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

SISTEM PENYATA GAJI DAN LAPORAN (e-SPGL) JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) KEKAL SELAMAT

Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengesyaki bahawa baru-baru ini, ada percubaan pencerobohan ke atas sistem kami yang melibatkan Sistem Penyata Gaji penjawat awam.

Walau bagaimanapun, JANM ingin menegaskan bahawa integriti sistem data maklumat kami masih utuh dan telah pun diperkukuhkan sebagai langkah berjaga-jaga.

JANM akan terus mempertingkatkan keselamatan infrastruktur dan mekanisme penyampaian perkhidmatan kami dalam usaha berterusan bagi mengukuhkan sokongan kepada penjawat awam.

JANM juga sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam hal ini untuk memastikan agar perkara ini tidak berulang. Dalam hal ini, Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang.

Sebarang pertanyaan boleh di e-mel kepada korporat@anm.gov.my.

**Jabatan Akauntan Negara Malaysia
15 September 2022**